

Pelayan hotel hamil: Laporan Pas tak bertanggungjawab-PM

Mo Mi 2 SEP 1990

KLANG 1 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata laporan li-
dah rasmi Pas, Harakah mengenai 12
gadis pelayan hotel di Langkawi hamil
tanpa nikah yang didapati tidak benar
menunjukkan parti itu tidak bertang-
gungjawab.

Perdana Menteri berkata, sebagai se-
buah parti yang mendokong cita-cita
memperjuangkan kepentingan Islam,
Pas tidak harus melakukan fimah
seumpama itu kerana ia merupakan
satu kesalahan yang lebih dahsyat dari-
pada membunuh.

"Kerajaan telah menyelidik laporan
Harakah dan mendapati yang hamil
ada tetapi semuanya telah bemikah,"
katanya.

Beliau menyatakan demikian dalam
ucapannya di Perhimpunan Pemimpin
Bersama Rakyat di Padang Sekolah
Menengah Tengku Idris Shah, Kapar
dekat sini sebagai merujuk laporan Ha-
rasah keluaran 10 Ogos lalu.

Lidah rasmi Pas itu dalam laporan-
nya mendakwa 12 orang gadis pelayan
Hotel Pelangi Beach Resort di Pulau
Langkawi hamil tanpa nikah.

Bagaimanapun tinjauan Utusan di
kalangan pegawai dan pekerja hotel itu
mendapati tuduhan Pas itu bukan sa-
haja tidak benar malah telah menja-
tuhkan maruah mereka dan imej hotel
di mata rakyat.

Menurut Perdana Menteri, fitnah se-
perti itu tidak seharusnya dibuat oleh
sebuah parti Islam seperti Pas, tetapi ia
sanggup melakukan pembohongan un-

Oleh
Mohd. Noor Che Mat

tuk kepentingan din.

Beliau mempertahankan tuduhan
parti-parti pembangkang kononnya ke-
bebasan akhbar tidak wujud di negara
ini dan akhbar-akhbar utama hanya
mengampu kerajaan.

"Tetapi bila kita baca Harakah dan
Roket mereka tidak menyiarkan labo-
rasi lain selain memburuk-burukkan ke-
rajaan semata-mata.

"Bagi mereka kebebasan itu ialah
memaki orang. Akhbar kita melapor-
kan berita-berita yang baik dan benar
sahaja. Kalau perkara itu merupakan
satu pembohongan, kita tidak lapor ke-
rana kita tidak mahu jadi pembohong,"
katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, be-
liau tidak menyalahkan ahli-ahli Pas
terhadap sikap parti itu kerana mereka
adalah orang-orang yang jujur tetapi
dikelirukan oleh pemimpin mereka
sendiri.

Malangnya, pemimpin Pas yang di-
beri kepercayaan oleh pengikunya te-
lah sanggup melakukan apa sahaja ter-
masuk bekerjasama dengan parti yang
enggan menerima hukum Islam
semata-niata untuk kepentingan diri.

"Saya harap Pas sedarlah betapa pe-
mimpin mereka menipu mereka. Mere-
ka utamakan kemenangan pilihanraya
tanpa mengambil kira perjuangan Is-
lam," tambah beliau.